

Dipengaruhi isu

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

Pelajar risau tak dapat buat keputusan rasional

akademik saya.

Mungkin perkara ini berlaku kerana saya tidak mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri dalam isu tertentu. Berikanlah panduan pada saya.

Mudah dipengaruhi, Kelantan

! Dalam senario berpolitik sekarang, penting untuk individu berfikir secara rasional dan tidak terikut-ikut dengan dakyah politik yang boleh menyumbang kepada gangguan, terutama kepada pelajaran.

Individu yang gagal berfikir secara rasional mampu saja membuat keputusan di luar jangkaan dirinya dan orang lain.

Orang yang kurang keyakinan diri sering kali mudah dipengaruhi dan mempunyai persepsi dan pemikiran nega-

tif mengenai sesuatu perkara yang benar.

Individu dilahirkan dengan satu potensi untuk berfikir secara lurus dan rasional juga tidak rasional. Dalam usaha mengurangkan atau membuang pemikiran negatif ini, individu perlu mengubah cara berfikir.

Manusia sendirilah yang menyebabkan dirinya berasa terganggu dan gangguan ini bukanlah disebabkan sumber luaran, tapi berpunca daripada diri individu itu sendiri.

Apa yang adik boleh lakukan ialah dengan banyak membaca serta mencari bukti untuk menyokong sesuatu isu atau perkara. Buat kajian mengenai isu politik yang diperkatakan. Selepas puas hati dengan maklumat diperoleh, adik buatlah keputusan yang rasional.

? Saya pelajar universiti yang mudah dipengaruhi. Saya akui saya seorang pelajar yang pandai, memandangkan keputusan peperiksaan sangat baik dan juga menyebabkan rakan lain berasa cemburu.

Namun, masalahnya saya mudah dipengaruhi dalam isu semasa. Contohnya, dalam isu berpolitik, saya cepat mudah dihasut untuk menyukai sesuatu parti politik tertentu, terutama yang bersifat negatif.

Saya tahu adakalanya pilihan saya mengenai kehidupan ini memang tidak menyenangkan. Inilah yang merisaukan kerana ditakuti jika tidak dapat membuat keputusan rasional, berkemungkinan boleh menjejaskan prestasi

SMS berahi uji kesetiaan kekasih

? Biarlah saya namakan diri sebagai A. Saya ingin berkongsi cerita cinta yang penuh dengan dugaan kerana lahir daripada rasa tidak percaya.

Sejak awal perkenalan dengan teman lelaki, saya percaya dia baik di depan saya. Saya gembira melihat kebaikannya, namun pada masa sama hati tetap curiga terhadap kasih sayang dan cintanya kepada saya.

Pada riak wajahnya, saya dapat rasakan ada sesuatu yang dia rahsiakan. Saya cuba memujuk dan mengatakan dia boleh bercerita kepada saya, tapi dia masih enggan. Hati saya merontar-ronta untuk mengetahui isi hatinya yang sebenar.

Dahulunya dia pernah mengalami kejutan budaya sewaktu bekerja di Kuala Lumpur. Pada saya kisah silam biarlah berlalu. Saya kenal dia sekarang dan saya terima dia seadanya sekarang.

Satu hari saya cuba mengujinya dengan nama lain. Saya berlakon untuk menggodanya dengan perkataan cinta berbaur seks. Akhirnya baru saya tahu dia mempunyai perangai menjijikkan.

Dia suka menghantar

mesej berbaur lucah. Apabila saya menceritakan perkara sebenar, dia terkejut dan meminta maaf.

Sejak itu, saya menjauhkan diri. Apa yang perlu saya lakukan? Bantulah saya.

Puteri tertipu, Kedah

! Ya, berkongsi cerita adalah terapeutik dan merawat perasaan yang rawan. Terima kasih atas kepercayaan adik berrikan kepada Dr untuk mendengar cerita cinta adik yang berwarna-warni ini.

Cinta itu sesuatu yang indah untuk dikongsi. Namun, adik sendiri berasa ragu atas cinta teman lelaki adik itu.

Perasaan merontar-ronta untuk mengetahui isi hati kekasih itu sendiri sudah mewujudkan jurang dalam cinta kalian. Ia seperti membina tembok yang hanya akan meruntuhkan benteng cinta.

Mengapa cinta perlu diuji jika tidak kerana rasa tidak yakin. Sepertinya bermain api, cinta adik hampir terbakar dibuat atas rasa tidak percaya itu.

Memang, kekasih sudah melakukan sesuatu

yang menggugat kepercayaan adik. Apabila hati sudah terguris, bukan mudah untuk dipulihkan. Gurisannya tetap ada.

Dalam percintaan, keyakinan adalah sangat penting. Adik sendiri pernah mengatakan, kisah silam biarlah berlalu. Apa yang penting ialah menerima kekasih seadanya.

Kini, keputusan terletak di tangan adik. Sama ada adik mahu menerima cinta kekasih kembali atau tidak, bergantung sejauh mana dalamnya cinta adik terhadapnya.

Tahap sejauh mana keyakinan terhadap perubahan kekasih juga antara pengukur utama untuk menerima kekasih kembali. Jika rasa yakin itu hanyalah senipis bawang, tentu ia amat menyukarkan untuk adik menerima kembali kehadiran lelaki bernama kekasih itu.

Segala yang berlaku ada hikmahnya. Ia menguji cinta adik dan sejauh mana kekasih menunjukkan kesetiaan kepada adik. Ia juga menguji sejauh mana adik boleh menerima kesalahan dan bersedia memaafkan kesalahan.